

Pengguna aplikasi MySejahtera meningkat kepada 9.4 juta individu

Lebih 4.5 juta rakyat terima RM50



LEBIH 4.5 juta pengguna telah menerima RM50 menerusi inisiatif e-Penjana sejak 31 Julai lalu.

Oleh IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR – Lebih 4.5 juta individu telah menerima RM50 dalam e-dompot mereka menerusi inisiatif e-Penjana, dalam tempoh tiga hari bermula 31 Julai hingga semalam.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata, jumlah itu mencerminkan kadar celik digital yang begitu tinggi dalam kalangan rakyat di negara ini.

Menurutnya, sejak inisiatif tersebut diumumkan, bilangan pengguna aplikasi MySejahtera yang berdaftar telah meningkat lebih daripada 2 juta kepada 9.4 juta pengguna.

“Alhamdulillah, dalam tiga hari pertama ePenjana iaitu sehingga 2 Ogos 2020, lebih daripada 4.5 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-dompot mereka.



KERATAN Kosmo! 31 Julai 2020.

“e-Penjana boleh ditebus menggunakan salah satu daripada tiga penyedia perkhidmatan e-dompot iaitu, Boost dan GrabPay dan Touch ‘n Go eWallet dan pengguna mesti memuat turun aplikasi MySejahtera yang terkini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berkongsi Laporan LAKSANA Ke-11 pelaksanaan Pakej Rancangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula

Ekonomi Negara (PENJANA) menerusi Facebook semalam.

Inisiatif e-Penjana terbuka kepada rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas serta berpendapatan kurang daripada RM100,000 setahun.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul berkata, kerajaan juga telah menambah baik aplikasi MySejahtera merangkumi saringan dalam proses verifikasi dan kelulusan.

Katanya, ia ekoran beberapa cabaran yang dihadapi pemohon, terutama dari segi padanan nama dalam pangkalan data.

“Cuma saya ingin mengingatkan orang ramai supaya tidak menggunakan nama manja seperti *Superman*, *Boboi* dan *Achik* ketika mendaftar di aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan kredit e-Penjana.

“*Confirm* (pasti) tak (tidak) dapat tu (itu),” jelasnya.

Sementara itu, Tengku Zafrul turut mengumumkan penyaluran bantuan kepada 30,000 pemandu bas sekolah yang dijangka akan disalurkan pada 14 Ogos ini.

Sementara itu, mengulas mengenai Bantuan Sara Hidup (BSH), Tengku Zafrul memaklumkan BSH untuk fasa tiga sudah mula disalurkan pada 24 Julai lalu dengan peruntukan hampir RM3.0 bilion.

Katanya, ia memanfaatkan hampir 4.28 juta penerima BSH merangkumi 3.75 juta isi rumah dan 0.53 juta bujang (40-59).

“Kadar BSH yang akan diterima juga mengambil kira 3.8 juta anak penerima BSH berumur 18 tahun ke bawah.

“Sehingga 31 Julai 2020, BSH fasa ketiga bagi seramai 4.13 juta penerima telah berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank melibatkan bayaran RM 2.7 bilion,” jelasnya.